

# PM: Elak perbalahan

UM 17 AUG 2001

Daripada OTHMAN MOHAMAD

**S**ANA'A 16 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu kan umat Islam mengelakkan perbalahan remeh-temeh sesama mereka dan sebaliknya bersatu membina kekuatan negara Islam bagi memastikan nasib mereka dapat dipertahankan.

Perdana Menteri mengingatkan pertikaian di kalangan kumpulan-kumpulan Islam hanya akan melemahkan umat Islam keseluruhannya dan keadaan itu akan mengakibatkan mereka terus ditindas.

Sambil merujuk kepada penindasan yang sedang berlaku terhadap rakyat Palestin, Dr. Mahathir mengingatkan umat Islam bahawa ajaran Islam melarang sama sekali umatnya bersengketa.

“Umat Islam adalah bersaudara,” katanya semasa berucap pada permulaan majlis dialog dengan Majlis Syura Yemen di Akademi Polis di sini hari ini.

Majlis Syura adalah badan penasihat kepada kerajaan Yemen dan anggotanya terdiri daripada ulama, cendekiawan dan wakil dari sektor swasta.

Dr. Mahathir adalah dalam rangka lawatan rasminya ke Yemen yang hampir kesemua 18 juta penduduknya beragama Islam manakala sejumlah kecil adalah Yahudi.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, umat Islam tidak boleh bergaduh sesama sendiri kerana ia memberi peluang kepada musuh Islam.

“Terdapat kumpulan tertentu yang mahu tumbangkan kerajaan (Islam) secara salah. Jika itu kerap berlaku, negara Islam akan lemah sebab bersengketa,” kata beliau dalam ucapan selama 40 minit, sebelum berdialog dengan hadirin.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, jika umat Islam dapat mengumpul kekuatan, mereka akan berupaya membantu umat Islam di negara lain yang lemah dan memerlukan bantuan.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia misalnya memberi penekanan kepada pembangunan agar ia dapat menjana kekuatan serta keupayaan ekonomi bagi menyalurkan bantuan kepada umat Islam di serata dunia.

“Adalah tidak mustahil bagi negara-negara Islam menjadi kuasa dunia, ekoran penduduk di negara-negara Islam adalah ramai.

“Justeru daripada bergaduh, adalah lebih berhemat jika semua pihak memberi tumpuan kepada pembangunan agar ia lebih maju daripada Barat,” katanya.

Secara optimis Dr. Mahathir menegaskan: “Mereka (negara-negara Islam) boleh menjadi kuasa dunia dan ketika itu tidak ada siapa lagi yang dapat menindas negara-negara Islam.”

Katanya lagi, jika tiada negara Islam berupaya membentuk kuasa baru dunia, adalah lebih wajar bagi negara-negara Islam bekerjasama sesama mereka membina kekuatan Islam.

Sejarah peradaban dunia, katanya, menyerlahkan bahawa umat Islam dan negara-negara Islam berupaya menerajui dunia dan tamadunnya.

“Orang Islam bukanlah bodoh, mereka telah membuktikannya dengan membentuk peradaban dan empayarnya,” kata beliau tetapi mengingatkan usaha untuk mengembalikannya Islam itu bagaimanapun bukanlah boleh disempurnakan satu malam kerana ia perlukan kesabaran dan kesungguhan.

## Penindasan

Pada masa yang sama Dr. Mahathir mengingatkan bahawa adalah tidak bijak sebarang usaha untuk ‘menyerang’ pihak yang ternyata kuat kerana akhirnya mereka akan membalasnya dengan penindasan.

“Oleh itu perlulah diukur dahulu kemampuan kita...,” jelasnya.

Semasa berdialog, para hadirin antara lain mahu berkongsi pengalaman bagaimana Malaysia dapat memperkasakan diri sehingga mahu keluar dengan lebih mudah daripada krisis kewangan berbanding dengan negara-negara yang terjejas teruk.

Dr. Mahathir menjelaskan kepada lebih 200 hadirin bahawa keberanian Malaysia memperkenalkan pelbagai pendekatan termasuk penetapan nilai ringgit, adalah setelah mendapati pendekatan Dana Kewangan Sedunia (IMF) dan Bank Dunia dalam menangani krisis

# remeh-temeh

mata wang dan ekonomi adalah tidak mujarab kerana mereka mencadangkan 'ubat yang sama untuk penyakit yang berlainan.'

Kepada cadangan supaya dibentuk mata wang Asia pada dialog itu, Dr. Mahathir berkata, sekalipun dibentuk ia masih tertakluk kepada soal penurunan nilainya, seperti juga euro.

Oleh itu, kajian sedang dibuat untuk memperkenalkan mata wang dinar yang berasaskan nilai sebenar emas dan perak khusus bagi kegunaan negara-negara Islam.

Beliau juga menjelaskan bagaimana pendekatan Malaysia memajukan sektor pertanian dan pembuatan sehingga membolehkannya menjadi negara ke-17 terbesar dari segi dagangan dunia.

Malahan, katanya, bagi menghadapi cabaran globalisasi, Malaysia telah memberi penekanan kepada pembangunan teknologi maklumat agar rakyatnya berupaya menghadapi cabaran dan seterusnya tidak ketinggalan daripada negara-negara maju.

Sebelum sesi dialog itu, Dr. Mahathir yang tiba di sini lewat petang semalam memulakan hari kedua lawatannya dengan mengadakan pertemuan empat mata dengan rakan sejawatannya, Abdul Kader Ba Jammal serta mesyuarat dua hala di Republican Palace di sini.

Perdana Menteri juga mengunjungi Presiden Yemen, Ali Abdullah Saleh yang pernah mengadakan

lawatan rasmi ke Malaysia pada Februari 1998, di Dar Al-Reasa di sini.

Di Republican Palace, Dr. Mahathir dan Abdul Kader turut menyaksikan dua dokumen penting dimeterai antara kedua-dua negara.

Satu adalah memorandum persefahaman (MoU) yang bertujuan untuk membentuk suruhanjaya bersama agar ia menjadi mekanisme dalam membantu melaksanakan program kerjasama dalam pelbagai bidang di antara kedua-dua pihak.

Satu lagi MoU ialah mengenai kerjasama dalam sektor perkhidmatan awam kedua-dua negara, yang akan memberi laluan kepada kerjasama dalam latihan khususnya kepada kakitangan awam di republik ini.

Lawatan empat hari Dr. Mahathir yang diiringi oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali adalah bertujuan mengukuhkan lagi hubungan dua hala Malaysia-Yemen, mempelopori peluang perdagangan dan pelaburan, mencari pasaran baru untuk barangan Malaysia serta meninjau peluang cari gali minyak di republik ini.

Lawatan ini, yang turut disertai oleh dua orang menteri, tiga menteri besar, para pegawai kanan kerajaan serta 31 usahawan, juga adalah sebagai membalas lawatan rasmi Ali Abdullah.

Selain Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ia turut disertai

oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik, Menteri-Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Datuk Abdul Ghani Othman (Johor) dan Datuk Seri Adnan Yaakob (Pahang) serta Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman.

## Potensi

Pada sebelah petang hari ini, Dr. Mahathir dan rombongan kemudian berlepas ke Aden, 45 minit penerbangan dari sini, bagi meninjau peluang pelaburan dan potensi Pelabuhan Aden yang berdepan dengan Laut Merah sebagai pintu masuk barangan Malaysia ke rantau ini serta beberapa negara di benua Afrika yang berdekatan.

Selepas berbincang dengan Gabenor Aden, Taha Ahmad Ghanem di Republican Palace, Aden, Dr. Mahathir mengambil kesempatan berdialog dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Yemen di Hotel Queen Sheba.

Menteri Luar Yemen, Dr. Abubaker Al-Qirbi sebelum ini menyatakan kerajaan Yemen sedang memajukan Zon Perdagangan Bebas Aden yang merangkumi kawasan seluas 31,000 hektar. Ia bukan sahaja untuk perdagangan malahan untuk sektor perkilangan dan perindustrian.

Pada hari ketiga lawatan Perdana Menteri esok, beliau akan ke kota bersejarah Seiyon di wilayah Hadhramout - sejam penerbangan dari Aden. — *Utusan*